

25 JUL 2002

Kadir-Merdeka

BUAT PERSEDIAAN AWAL SAMBUT BULAN KEMERDEKAAN, KATA ABDUL KADIR

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir menggalakkan orang ramai membuat persediaan awal bagi menyambut perayaan Bulan Kemerdekaan yang bermula pada 17 Ogos ini.

Beliau berkata langkah itu perlu diambil bagi mengelak persiapan dilakukan pada saat-saat akhir.

"Kita tidak mahu apa yang berlaku pada tahun-tahun lepas, selepas pelancaran pada 17 Ogos baru semua orang berebut-rebut mencari (bendera) Jalur Gemilang," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Tindakan itu, katanya menyebabkan ada pihak yang tidak dapat bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang kerana tempahan yang dibuat pada saat-saat akhir tidak dapat disiapkan.

Beliau menggalakkan bendera negara dikibarkan pada kenderaan, pejabat, rumah dan pusat membeli belah serta hotel bagi menyemarakkan lagi sambutan bulan kemerdekaan selama sebulan tahun ini.

Abdul Kadir juga menggalakkan orang ramai membina arca yang melambangkan kemerdekaan di tempat masing-masing.

"Pihak Rukun Tetangga boleh pungut wang dari orang ramai dan mereka bolehlah beramai-ramai membina arca yang dihiasi lampu indah di kawasan masing-masing," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan sambutan Bulan Kemerdekaan di Dataran Merdeka pada 17 Ogos ini.

Abdul Kadir berkata sempena perayaan itu, khutbah sembahyang Jumaat pada 30 Ogos akan diselaraskan di seluruh negara dan diikuti majlis bacaan doa selamat.

"Pada malamnya akan diadakan Ambang Merdeka diikuti dengan "countdown" Kemerdekaan padaa tengah malamnya," katanya.

-- BERNAMA

MUN HS NAK